

## Adakah Tuan Dr. Haji Ahmad Ibrahim Dengan ‘Ceramahnya’ Menunjukkan Rasa Kesalnya?

Di dalam keluaran Qalam bilangan yang lalu dari muka 36 hingga muka 42 kita siarkan sepenuhnya “ceramah” Dr. Haji Ahmad bin Mohamed Ibrahim Jaksa Agung Kerajaan Singapura “yang disampaikan” di majlis ceramah Pemuda Muhammadiyah, yang di dalamnya banyak menyentuh perkara-perkara yang bersabit dengan perkara Undang Pertadbiran Hukum Islam Singapura yang disahkan oleh Parlimen Singapura tetapi belum lagi dilaksanakan dengan sebab belum ditandatangani atau disahkan oleh *President* Singapura yang mungkin dengan sebab umat Islam masih lagi tidak berpuas hati dengan undang-undang yang dipandang mereka, fikiran dan pendapat mereka serta kemahuan mereka, tidak dilayan.

Menurut perhatian kita, kandungan “ceramah” itu adalah menggambarkan kesal hati beliau akan usaha-usahanya yang “tidak berjaya” mengikut maksudnya untuk terlaksana suatu undang-undang untuk orang-orang Islam di negeri Singapura ini yang penganut-penganutnya terbanyaknya bermazhab Shāfi‘ī. Kehampaan seperti ini dapat diagak kerana dengan tidak tersembunyi lagi, nampaknya beliaulah yang sangat berusaha mahukan undang-undang ini dari tahun 1960 lagi yang sudah pun mendatangkan beberapa keributan di dalam Majlis Penasihat Islam Singapura kerana dikatakan timbul cara-cara yang boleh disifatkan membelakangkan fikiran dan pendapat cerdik pandai Islam yang menjadi ahli di dalam majlis itu.

Beliau menuduh sebahagian orang Islam cenderung mendesak kerajaan jangan mengganggu perkara-perkara mengenai orang-orang Islam dan mereka dibenarkan mengikut kelaziman dan undang-undang mereka sendiri. Jika telatah ini dijalankan, katanya, kerajaan tidak dapat membuat apa-apa bagi orang-orang Islam dan pembangunan seperti Mahkamah Syariah dan rumah kebajikan perempuan Islam terpaksa ditutup.

Seterusnya, beliau memandang bahawa desakan itu bermakna menjadikan orang-orang Islam sesuatu puak yang berasingan dengan mempunyai undang-undang dan pegawai-pegawai mereka sendiri bagi mentadbirkan undang-undang itu.

Setelah mengadakan beberapa pertanyaan mengapa hanya undang-undang nikah kahwin sahaja yang dikehendaki tidak undang-undang jenayah dan undang-undang perniagaan dan bertanya pula adakah undang-undang Islam itu juga hendak digunakan pada sistem kerajaan?

“Sekiranya undang-undang itu digunakan, mazhab manakah hendak diikuti? Sekiranya mazhab Shāfi‘ī, siapakah yang memutuskan pendapat-pendapat mana yang muktamad atau daif yang hendak diikuti?” tanya beliau.

Persoalan-persoalan yang demikian ini, katanya, mendorong kepada keputusan bahawa desakan bagi suatu undang-undang Islam yang tulen akan membawa kepada berbagai-bagai penggunaannya, terutama sekali oleh kesulitan dalam amalan dan kerana tiada sebarang penguasaan undang-undang Islam dan “tiap-tiap pemimpin Islam dan wartawan boleh menuntut sebagai seorang yang ahli

dan berkuasa di dalam undang-undang Islam serta menjadi juaranya atau juara kepada peraturan tulen mazhab Shāfi‘ī.”

Beliau memandang perbuatan yang semacam ini di Singapura mustahil dan berbahaya kerana bilangan penganut-penganut Islamnya kecil.

Pendapat-pendapat beliau jelas dan terang membayangkan bahawa beliau tidak bersenang hati kepada teguran-teguran terhadap rang undang-undang itu semenjak dari tahun 1960 sehingga sekarang. Orang-orang Islam mengetahui bahawa mereka golongan yang kecil di negara Singapura ini tentulah mereka tidak sekali-kali berniat supaya undang-undang Islam dilaksanakan di negara ini dengan sepenuhnya seperti pertanyaan beliau itu kerana undang-undang jenayah, undang-undang muamalah tidak dapat dijalankan di dalam sebuah negara yang bukan negara Islam dan yang tidak menjalankan hukum-hukum Islam. Jadi persoalan ini tidak timbul. Kita hairan mengapa beliau mengungkit-ungkit persoalan yang tidak menjadi persoalan. Persoalannya ialah mengadakan suatu undang-undang yang akan dikenakan semata-mata untuk orang Islam dan kerajaan Singapura berkenan dengan yang

demikian kerana “ia dengan kehendak umat Islam sendiri.”

Siapa “umat Islam” yang menghendaki undang-undang itu – adakah kerajaan dan wakil-wakilnya orang Islam di dalam badan kerajaan itu dengan kemahuannya yang nampaknya mahu dipaksakan kepada umat Islam atau seluruh umat Islam – terutamanya alim ulamanya? Dan tentunya kalau ada satu-satu syor maka berhak umat Islam memberi pendapat, fikiran, hujah-hujah yang dipandang mereka *maf’ul* dan berasas menurut ajaran Islam yang dianut mereka di negeri ini untuk mereka dan tidak semata-mata dengan kemahuan barangkali segolongan daripada mereka yang mungkin mengaku menjadi pemimpin Islam dan dipandang pemimpin Islam di negara ini yang mengasaskan hukum-hukum yang bakal dihadapkan kepada umat Islam di negara ini berpunca daripada terjemahan-terjemahan bahasa Inggeris dan bertaklid kepada negara-negara yang dikatakan negara Islam tetapi tidak menjalankan hukum-hukum Islam sepenuhnya di negara itu. Inikah tempat bercermin?!

“Wartawan atau tiap-tiap pemimpin Islam” ahli atau tidak ahli, ia bukan sebagai juara atau menjadikan dirinya juara tetapi di dalam Islam memberi hak membahas dan menegur. Apalah tarafnya pengetahuan-pengetahuan yang didasarkan kepada terjemahan-terjemahan Inggeris dengan taraf Khalifah ‘Umar bin al-Khattāb? ‘Umar bin al-Khattāb tatkala mendatangkan hukum mas kahwin ditegur oleh seorang perempuan kebanyakan dan beliau di hadapan umum mengakui kesalahannya – tidak berkeras kepala. Ini menunjukkan Islam tidak dimonopoli oleh seseorang atau

sesuatu golongan dan tidak menjadikan bahawa “ketua agama” itu mesti diterima apa sahaja yang dikatakannya. *Al-Shahīd* Syekh Hassan al-Banna pernah berkata bahawa kalau didapati penjelasan-penjelasan *al-Salaf al-Ṣāliḥ* berlainan daripada kitab Allah dan Sunnah, kami utamakan kitab Allah dan Sunnah tetapi kami hormati ijhtihad mereka. Ini caranya orang Islam – tidak ada paksaan untuk menentukan sesuatu hukum apalagi kalau hukum-hukum itu dirasa dan dipandang oleh umat Islam berlawanan dengan dasar-dasar Islam dan dasar-dasar syarak yang menentukan “menjauhkan mudarat didahulukan daripada mengambil manfaat.”

Adakah salah kalau umat Islam atau orang-orang Islam, sama ada wartawan atau orang-orang kebanyakan memandang bahawa yang diperundang-undangkan itu bakal membawa mudarat kepada mereka padahal dasar *shar’iyyah* menjauhkan mudarat lebih dahulu daripada mengambil manfaat?!

#### **Soal Mahkamah Syariah dan Rumah Kebajikan**

Soal Mahkamah Syariah dan rumah kebajikan – tidak timbul. Mahkamah Syariah umpamanya apabila ditubuhkan dahulu tidak serendah seperti sekarang. Mahkamah Syariah dahulu berkuasa sebagai Mahkamah Majistret boleh menghukum hingga enam bulan penjara. Tetapi kuasa itu ditarik. Sebabnya tentu beliau sebagai Jaksa Agung mengetahui kerana termasuk di dalam jabatan beliau. Kalaulah tidak ada apa-apanya tentulah hak itu tidak ditarik balik. Begitu juga rumah kebajikan Islam – juga beliau lebih mengetahui bagaimana hubungannya dengan umat Islam sendiri. Soal ini tidak

boleh dibuat untuk salah-menyalahkan.

Dalam suatu perkara beliau bertanya: “Adakah mereka (orang Islam Turki – P.) bukan Islam kerana mereka mengeneipikan undang-undang Islam dengan memperkenankan undang-undang sivil moden dan undang-undang jenayah. Mungkin juga ditanyakan sama ada orang-orang Melayu di Singapura adakah sebetulnya orang-orang Islam kerana mereka tidak terikut kepada undang-undang jenayah Islam?”

Pertanyaan yang serupa ini adalah sebagai pertanyaan orang buta dalam agama dan perkembangan agama. Ini menunjukkan bahawa jiwa Tuan Dr. Haji Ahmad Ibrahim, dalam keahliannya dalam undang-undang Barat menghendaki bahawa agama Islam itu hendaklah dipisahkan daripada pemerintahan – dalam pandangan umum. Ini juga adalah menjadi pandangan dan fikiran daripada golongan-golongan sekular yang menghendaki pemisahan agama daripada pemerintahan. Tiap-tiap orang yang yakin kepada ajaran al-Qur’ān, maka menjadi tugas kepada mereka berikhtiar dan sekurang-kurangnya menjalankan cita-cita supaya hukum-hukum Islam itu berjalan di dalam bernegara sebagaimana yang telah dijalankan oleh Khulafa’ al-Rasyidin dahulu.

Kalau mereka tidak berupaya berbuat sepenuhnya, jalankanlah sekadar upayanya – mana-mana yang dapat – dan sekiranya tidak dapat mereka melakukan walau sedikit pun maka wajib baginya berhijrah terutamanya kalau mereka daripada golongan yang kecil. Maka dengan demikian orang-orang Islam di Singapura tahu “kadar dirinya” dan kerana itu persoalan agama yang mengenai mereka tidak mereka tuntutan dan kehendaki supaya ada satu undang-undang

jenayah dan muamalat Islam dalam sebuah negara yang bukan negara Islam. Sebab itu mereka menyetujui satu undang-undang diadakan untuk mereka yang benar-benar berfaedah untuk mereka bukan satu undang-undang yang boleh dipandang mereka sebagai suatu penindasan terhadap mereka yaitu suatu undang-undang yang boleh mentadbirkan hal ehwal mereka yang boleh menjalankan kadar melicinkan kemasyarakatan mereka sesama mereka. Inilah undang-undang yang dikehendaki oleh mereka – sama ada ia wartawan atau orang ramai Islam.

### **Persoalan-persoalan yang Timbul**

Tuan Dr. Haji Ahmad Ibrahim di dalam “ceramahnyanya” itu banyak menimbulkan soal-soal yang kerap menjadi perbincangan. Soal yang pertama ialah berkenaan dengan Piagam Wanita tahun 1961. Undang-undang itu dikemukakan di dalam bahasa Inggeris dan umum orang Islam tidak menyedarinya apalagi pada masa itu menteri yang bertanggungjawab dalam undang-undang negara, Tuan Bryne menyatakan bahawa Piagam Wanita tidak ada kena-mengena dengan orang-orang Islam. Mereka percaya akan maklumat itu dan kerana itu mereka tidak membincang dan tidak memberi fikiran walaupun kemudiannya didapati ada sebahagian yang menyinggung kedudukan Islam. Ini didukacitakan.

Kemudian beliau membawa persoalan panjang lebar atas perkahwinan di bawah umur dengan alasan-alasan yang didasarkan kepada kebendaan dan kesihatan. Katanya, undang-undang Piagam Wanita menetapkan umur tidak boleh berkahwin di bawah 18 tahun dan memberi contoh di dalam masyarakat Islam ada yang berumur 18

tahun sudah tiga kali cerai. Begitu juga beliau memberikan penjelasan-penjelasan anak-anak yang dilahirkan lemah keadaannya yang kahwin di bawah umur itu.

Banyak orang-orang besar Islam yang mempunyai isteri belasan tahun dan anak-anak dilahirkannya itu banyak pula menjadi orang-orang besar dan tinggi pengetahuannya serta gagah. Tarikh banyak menunjukkan riwayat ini; dan yang perlu diperhatikan oleh Tuan Dr.

Haji Ahmad Ibrahim, Jaksa Agung kita bahawa masyarakat Islam sendiri tidak gemar mengkahwinkan anak-anaknya yang masih muda-muda lagi – kalau ada pun sangat jarang dan hampir-hampir tidak ada tetapi masyarakat di sekeliling kita hari ini lain. Ada di dalam sekolah lagi sudah bertelur dengan tidak nikah dan kahwin. Kalau ibu bapa telah melihat “anaknyanya lain macam” dan mungkin bakal membawa kerosakan dan boleh menimbulkan benih yang di luar nikah, apakah dengan sebab bayang-bayang yang demikian itu tidak lebih baik mereka dinikahkan dan tidakkah sifatnya ini menjauhkan mudarat yang berbencana turun-temurun? Maka dengan sebab itu Islam meluluskan – tidak bermakna menggalakkan – dan kerana itu tidak boleh disekat atau diadakan sekatan kerananya.

Mengenai kahwin lebih daripada satu, beliau menyatakan moleknnya ada peraturan-peraturan dan menyatakan pula bahawa Islam tidak memfardukan kahwin sampai empat. Benar! Tetapi yang menjadi persoalan dikatakan beliau tentang keadilan. Apakah keadilan itu? Rasulullah (S.A.W) memberi contohnya yang banyak dan menggantungkan perkahwinan itu bukan di atas dasar kebendaan tetapi

digalakkan oleh beliau kerana Allah menjanjikan perkahwinan itu akan membawa rezeki dan perkahwinan itu juga menjauhkan maksiat zina yang sangat besar padahnya. Kita pernah menyiarkan hadith Rasulullah yang menggalakkan seorang Badwi kahwin sehingga empat walaupun dia di dalam susah. Adakah dengan kerana adanya peraturan-peraturan yang dikehendaki bagi sekatan itu kelak menjadikan orang:

Pertama – tidak dapat berkahwin terus berzina.

Kedua – menceraikan isteri yang ada.

Ketiga – bersedap-sedap dengan sesiapa pun walau anak isteri orang.

~~Kemudian undang-undang~~ berkahwin di luar undang-undang negeri seperti yang banyak berlaku di Turki sendiri yang membuat undang-undang tidak boleh berkahwin lebih daripada satu.

Di dalam perceraian beliau menyatakan bahawa kuasa suami Islam telah disekat cuma faham kolot dan kurang kesedaran tentang masyarakat yang menyebabkan lelaki Islam di Singapura menuntut hak-hak istimewa di dalam soal ini. Pernah dahulu siaran Mahkamah Syariah Singapura meminta seseorang suami datang ke mahkamah kerana isterinya hendak menceraikannya. Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak persetujuan mahkamah walaupun telah dilafazkannya cerai yang sah mengikut Islam.

Beliau juga nampaknya tidak berpuas hati dengan nafkah idah yang tiga bulan kepada wanita-wanita. Apakah ini seolah-olah menunjukkan bahawa beliau memandang hukum Islam itu boleh jadi tidak adil? Kalau perempuan yang dicercaikan oleh suaminya mempunyai anak, apa tidak adakah di dalam Islam wajib nafkah atas anak yang dipelihara perempuan untuk diberi? Kenapa tidak dijadikan peraturan? Di dalam Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam di Singapura 1966 Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menuntut pemberian-pemberian yang mesti dibayar oleh suami kepada isterinya yang telah dicercaikannya selain daripada nafkah idah.

Persoalan-persoalan yang tidak digemari oleh orang-orang Islam sebenarnya telah dikemukakan kepada *Select Committee* mengenai dengan lain-lain perkara yang bersabit dengan permasyarakatan Islam – tidak semata-mata di dalam persoalan kahwin di bawah umur, perceraian-perceraian nafkah idah yang dipaparkan dengan panjang lebar oleh “ceramah” beliau. Banyak perkara-perkara yang dituntut perubahan tetapi perubahan itu tidak dilakukan dan tentunya orang-orang Islam akan bertanya apakah hanya semata-mata yang dimahukan oleh penajanya sahaja yang dibuat sedang tuntutan orang-orang Islam tidak diraikan? Sekiranya Tuan Haji Ahmad Ibrahim jujur di dalam soal mengemukakan cita-cita umat Islam sepatutnya mestilah diadakan rundingan secara persaudaraan dan hendaklah memikir, menerima dan meraikan kehendak-kehendak itu. Sekiranya keraian-keraian tidak diberi kepada umat Islam – ini tentunya boleh menimbulkan bencana dan menimbulkan perasaan-perasaan yang kurang

baik apalagi orang ramai faham akhbar-akhbar harian Melayu nampaknya langsung tidak memberi peluang kepada umat Islam menyampaikan suaranya tetapi kalau suara-suara itu dari pihak atasan baharulah disiarkan – ini berat sebelah dan ini tentunya bukan suatu cara yang bakal membawa keharmonian agama-agama di pulau Singapura yang kecil ini.

Perlu diperhatikan bahawa Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1966 disahkan oleh Parlimen dengan hampir-hampir tidak meraikan fikiran, pendapat dan pandangan orang-orang Islam; dan kerana itu pula nampaknya Jawatankuasa Bertindak Badan-badan Islam menetapkan tidak dapat menerima undang-undang itu dengan memberi beberapa sebab. Ini bermakna bahawa golongan-golongan Islam mungkin akan memandang bahawa kepada mereka diadakan satu undang-undang yang dipandang mereka tidak mengikut kehendak mereka dan tidak sesuai dengan hukum mereka sendiri – dan kalau kerajaan fikir mahu menjalankannya tentu terpulung kepada kebijaksanaan kerajaan sendiri.

Orang-orang Islam mengharap bahawa pindaan-pindaan yang luas diadakan atas undang-undang itu semenjak dikemukakan pada tahun 1960 tetapi pindaan yang ada nampaknya boleh dipandang mereka hanya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja.

Memadai dahulu – kalau keadaan mengizinkan kita akan ulas lebih luas lagi. *In shā'a Allāh*. – Pengarang.

## Kata-kata Hikmah

Sebelum engkau pelajari apa yang engkau belum ketahui, terlebih dahulu kerjakanlah apa yang engkau telah tahu. – maksud hadith.

\* \* \*

Jangan engkau mudah mempercayai seseorang sahabat sebelum engkau cuba keikhlasan hatinya dan jangan engkau berani melanggar musuh sebelum engkau cuba kekuatannya – Ḥāfīz Ibrāhīm.

\* \* \*

Jangan mempertaruhkan sesuatu rahsia kepada seseorang yang tidak amanah, kerana mempertaruhkan rahsia kepada mereka itu bererti membukakan rahsia itu kepada orang ramai. – Shihāb al-Dīn Aḥmad.

\* \* \*

Jika engkau berada di rumah orang lain, hendaklah jaga matamu, jika engkau berada di antara orang banyak, hendaklah jaga lidahmu, dan jika engkau berada di dalam majlis makan, maka jagalah perangai dan adab sopanmu. – Luqmān al-Ḥakīm.

\* \* \*

Jangan engkau terpedaya melihat kegagahan seorang lelaki, kerana bukan semua lelaki itu bersifat yang sebenarnya. Tetapi lelaki yang sebenarnya itu ialah orang yang teguh memegang amanah dan menahan tangannya dari menganiayai terhadap sesama manusia. – Saiyidina ‘Umar.

\* \* \*

Ilmu pengetahuan itu adalah hak kepunyaan<sup>1</sup> manusia yang berakal dan berfikir. – al-Rāḍī.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah kepunyaan.